

## PM ajak badan korporat bantu program SULUNG

Mohamed Farid Noh dan Essa Abu Yamin  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)



Ismail Sabri Yaakob (tengah) pada perasmian Karnival KPT Keluarga Malaysia di Parit Sulong, dekat sini. Foto Essa Abu Yamin

Batu Pahat: Badan korporat di negara ini diseru bersama-sama menghulurkan sumbangan bagi membantu menjayakan Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Katanya, program SULUNG yang digerakkan oleh Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad yang juga Menteri Pengajian Tinggi itu memfokuskan usaha membantu golongan B40 yang belum ada seorang pun ahli keluarga menjekakkan kaki ke menara gading.

"Program ini adalah unik kerana mereka bukan sahaja akan dibantu diberikan laluan khusus kemasukan ke universiti awam, tetapi turut ditawarkan biasiswa, asrama dan diberikan 'mentoring' sehingga berjaya mendapat pekerjaan."

"Menjadi harapan saya supaya dengan tahap pendidikan yang baik akan membawa anak-anak ini keluar dari kitaran B40, seterusnya dapat berdikari selepas tamat pengajian."

"Kejayaan mereka ini nanti bukan sahaja memberikan motivasi kepada keluarga, tetapi juga kepada komuniti setempat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Karnival KPT Keluarga Malaysia di Parit Sulong, hari ini.

Hadir sama, Noraini dan Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad.

Sementara itu, Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera berkata, pendidikan adalah agenda yang penting bagi mengubah sesuatu keluarga, kaum dan sesuatu individu.

Katanya, kerajaan juga menjadikan pendidikan sebagai agenda utama sejak merdeka lagi.

"Walaupun kerajaan bertukar-tukar, tetapi pendidikan tetap menjadi agenda utama kerana pendidikan boleh membantu golongan B40, M40 dan juga masyarakat luar bandar."

"Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai contoh Biasiswa MARA yang ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan yang membolehkan sekurang kurangnya 10 pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara."

"Dengan pendidikan, tanpa mengira latar belakang, anak penoreh getah pun boleh menjadi seorang perdana menteri dan anak tok penghulu boleh jadi menteri besar, berjaya hasil dari dasar yang jelas dari kerajaan untuk tingkatkan taraf pendidikan anak-anak bangsa."

"Penekanan kepada aspek pendidikan, termasuklah pendidikan tinggi perlu menjadi keutamaan, selari dengan nilai Keluarga Malaysia, iaitu menerapkan budaya ilmu dalam masyarakat dan keluarga," katanya.